



Nama: _____

Kelas: _____

Selesaikan masalah-masalah berikut.

1. Aisyah ada RM1800.30 dan Hanna ada RM1270.50. Mereka menggunakan kesemua wang itu untuk membeli sebuah penghawa dingin. Berapakah harga penghawa dingin itu?

2. Rahman membeli satu siri buku cerita yang berharga RM148.50. Terdapat 8 buah buku cerita dalam siri itu. Berapakah harga bagi setiap buku cerita?

3. Rita menyimpan RM1200 sebulan. Berapakah wang yang disimpannya dalam masa 6 bulan?

4. Kassim membelanjakan RM3750 untuk membeli lima utas rantai. Berapakah harga bagi setiap utas rantai?

5. Sheila ada RM810.40. Dia ada baki RM330.55 selepas membayar bil elektrik. Berapakah wang yang dibayarnya untuk bil elektrik?



Nama: _____

Kelas: _____

1. Hasnah membuat catatan pendapatan dan perbelanjaan perniagaan kerepeknya pada bulan April.

Pendapatan (RM)		Perbelanjaan (RM)	
Wang di bank	RM5955.70	Beli bahan	RM1149.30
Untung jualan	RM3082.50		

Kira baki wang Hasnah.

2. Berdasarkan jadual di bawah, berapakah baki wang dalam akaun Encik Faizal.

Simpanan (RM)	Sumbangan kepada mangsa banjir (RM)	Keuntungan perniagaan (RM)	Baki simpanan (RM)
RM9910.75	RM1500.00	RM1589.25	

Kira baki simpanan Encik Faizal.

3. Zara ada RM4 873.50 dan Hana ada RM2066.10. Mereka menggunakan RM3954.50 untuk membeli sebuah peti sejuk. Berapakah baki wang mereka?